



HARUN (dua kiri) bersama Lee (dua kanan) menandatangani MoU pada majlis berkenaan.

UMS harap impak positif dari MoU dengan NIOSH

UB 15.2.2014 B12

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) berharap Memoranandum Persefahaman (MoU) dengan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) dapat memberikan impak dalam soal perencanaan, pelaksanaan, penyelidikan dan penambahbaikan pengurusan.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, impak positif yang diharapkan itu akan mampu meningkatkan daya saing dan kualiti bagi meletakkan UMS menjadi sebuah universiti yang mempunyai persekitaran kerja selamat dan akhirnya mewujudkan warga kampus

lebih produktif.

"Kemalangan dan kecederaan semasa bekerja akan merugikan aspek sumber dan kemahiran manusia kerana perbelanjaan Universiti akan meningkat.

"Saya sedia maklum, UMS berpotensi menjadi model untuk persekitaran kerja yang selamat dan sihat dan ini akan menjadi contoh kepada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) lain di rantau ini untuk melaksanakan program yang sama," katanya dalam satu majlis MoU antara UMS dengan NIOSH di sini kelmarin.

Beliau berkata UMS turut membuat kajian semua kursus dan kurikulum yang ditawarkan agar dapat

dibangunkan program NIOSH bagi menambah nilai dan modal insan terhadap pelajar.

Harun berharap pelajar UMS yang bakal memasuki bidang pekerjaan nanti akan menerapkan ilmu pengetahuan berkenaan dengan keselamatan dan kesihatan.

"MoU ini akan memberikan impak yang besar kepada UMS yang memerlukan sokongan dan kepakaran daripada NIOSH dalam mengurus dan menyediakan persekitaran kerja yang lebih selamat, sihat dan kondusif," katanya.

Hadir sama Pengerusi NIOSH Malaysia Tan Sri Lee Lam Thye.